

Tanah rizab sungai diceroboh

BH. 19/9/2017
ms. 31

➔ Ahli politik didakwa teroka kawasan diusahakan penduduk Kampung Keladang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

► Kota Bharu

Kira-kira 40 keluarga di Kampung Keladang, di sini, mendakwa tanah rizab sungai yang diusahakan mereka sejak puluhan tahun lalu diceroboh seorang ahli politik.

Sejak sebulan lalu, tanah terabit diteroka ahli politik berkenaan untuk tanaman pokok bunga matahari membabitkan kawasan



[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Sebahagian penduduk membuat demonstrasi aman selepas tanah yang mereka usahakan diceroboh syarikat milik ahli politik di Kampung Keladang, Salor.

seluas 0.8 hektar daripada keseluruhan tanah seluas 16 hektar.

Tindakan itu menimbulkan kemarahan penduduk kampung kerana tanah terabit diusahakan mereka sejak dulu dan hampir keseluruhan pendapatan mereka adalah hasil bercucuk tanam.

Penghulu kampung, Norazwan Che Hashim, berkata penduduk kecewa apabila syarikat dipercayai milik ahli politik terabit menceroboh kawasan berkenaan untuk kepentingan sendiri.

Beliau mengakui tanah terabit bukan milik mereka, sebaliknya

berstatus rizab sungai, namun penduduk menghabiskan banyak wang dan tenaga untuk membersihkan kawasan berkenaan untuk ditanam jagung, cili serta ubi.

Tanpa pengetahuan

“Kawasan yang kami bersihkan untuk tanaman diceroboh tanpa maklumkan terlebih dahulu. Jika pihak berkenaan mahu bercucuk tanam, mereka boleh membersihkan kawasan hutan yang belum diteroka, bukannya menggunakan kawasan yang kami majukan itu.

“Dalam tempoh sebulan, seluas

0.8 hektar sudah diteroka dan kami bimbang lebih banyak kawasan yang bakal diceroboh selepas ini,” katanya ketika membuat bantahan aman di kampung berkenaan, di sini, semalam.

Sementara itu, Aminah Derman, 70, berharap kerajaan negeri campur tangan dalam kes berkenaan kerana ia menjejaskan pendapatan penduduk.

“Kami tidak berpuas hati kerana kawasan diceroboh sesuka hati selepas lebih 20 tahun mengusahakannya dengan tanaman sayuran,” katanya.